

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Latihan Jabatan Pendaftar -PEND
Sent: Tuesday, April 4, 2017 8:24 AM
To: UUM - All Staff
Subject: BERITA: 34 STAF UUM MENGIKUTI KURSUS ASAS KEBAKARAN DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

4 APRIL 2017 / 7 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**34 STAF UUM MENGIKUTI KURSUS ASAS KEBAKARAN DI AKADEMI BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA**







Oleh: Muhamad Hafidz Baharudin

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Kursus Asas Kebakarab bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu, Selangor, Seramai 34 orang staf di kalangan ahli Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT-UUM) menyertai Kursus Asas Keselamatan Kebakaran Awam 2017 bermula dari 19 hingga 24 Mac 2017 yang lalu.

Pasukan ERT-UUM yang ditubuhkan dibawah Jawatankuasa Keselamatan Pekerjaan UUM ini terdiri daripada kakitangan yang dilantik di peringkat Jabatan atau Pusat Pengajian dari semua Jabatan dan Pusat Pengajian. Kursus ini mendedahkan peserta dengan maklumat dan kemahiran asas menyelamatkan mangsa, kawad kebombaian kering berpasukan, simulasi pemadaman, pengawasan kebakaran dan pengungsian bangunan.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan tentang aspek keselamatan kebakaran di bangunan khususnya di jabatan sendiri dan kawasan sekitar. Kursus ini juga mendedahkan Pasukan ERT-UUM tentang kemahiran menggunakan peralatan kebombaian dan sistem mencegah kebakaran di bangunan, memahami tugas dan tanggungjawab ahli ERT yang dilantik kepada jabatan atau pusat pengajian dalam aspek keselamatan dan meningkatkan ilmu pengetahuan kebombaian dan penyelamatan dengan lebih mendalam serta dapat merealisasikan setelah kembali ke tempat kerja masing-masing.

Berbekalkan pengetahuan yang diperolehi ini Pasukan ERT-UUM perlu memastikan peralatan kebakaran di tempat kerja berada dalam keadaan baik. Hal ini kerana bagi membuat persiapan awal dan memudahkan urusan pihak bomba sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Setiap ahli Pasukan ERT-UUM perlu dipupuk dengan sifat saling bekerjasama dalam membuat latihan pemadaman dan sewaktu menghadapi kecemasan kebakaran disekitar tempat kerja. Kerjasama amat penting kerana ianya dapat mempengaruhi gerak kerja ahli pasukan dari segi penyaluran maklumat mengenai situasi kecemasan kepada ahli pasukan yang lain, kepantasan dalam bertindak, kecekapan dalam menggunakan peralatan dan komunikasi antara satu sama lain.

Di samping itu, Pasukan ERT-UUM diajar tentang pengungsian bangunan dan bijak dalam menggunakan peralatan pemadaman kebakaran. Ianya menjadi perkara penting bagi mengurangkan pembaziran air semasa pemadaman api dan mengurangkan kerosakan harta benda awam serta mengelak daripada ada yang menjadi mangsa kebakaran.

TAMAT



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in

this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.